

PENDEKATAN WASATIYYAH DALAM PENGAPLIKASIAN ISLAM HADHARI DI MALAYSIA

PROF MADYA DR KHADIJAH BINTI MOHD KHAMBALI @ HAMBALI

NOR ADINA BINTI ABDUL KADIR

UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR, MALAYSIA

ABSTRAK

Islam Hadhari adalah program berasaskan ilmu untuk perpaduan umat Melayu Muslim di Malaysia dalam menghadapi gelombang globalisasi yang mampu merubah gaya hidup manusia samada secara positif mahupun negatif. Ia merupakan satu bentuk penekanan dari aspek akidah, ibadah dan perundangan yang mana ia berupa suatu kehidupan yang diresapi dan dirangsangi oleh nilai-nilai universal. Antaranya seperti keilmuan, pembangunan sepadu dan seimbang, tolak ansur tetapi tetap relevan, praktis dan dinamik dalam konteks masa kini sehingga menjadikan Malaysia negara Muslim contoh. Dalam sesebuah tamadun, kekuatan sosiol-politik dan ekonomi akan runtuh sekiranya nilai kemanusiaan itu terhakis. Bahkan akan lahir pelbagai gejala keruntuhan akhlak, ketidakadilan sosial dan masyarakat, kadar jenayah meningkat, keruntuhan sistem keluarga, ketidakseimbangan sistem ekologi dan sebagainya. Justeru, untuk membentuk hidup yang stabil, tenteram dan harmoni, pendekatan kesederhanaan (wasatiyyah) yang terpuji amat penting diaplikasikan dalam mencapai kestabilan, ketenteraman dan keharmonian hubungan masyarakat Malaysia secara menyeluruh berteraskan konsep Islam Hadhari . Oleh itu, kertas kerja ini akan menjelaskan bagaimana sifat wasatiyyah itu dijadikan medium utama dalam pengaplikasian Islam Hadhari menghadapi arus globalisasi agar perpaduan rakyat dan keharmonian negara akan kekal berterusan menuju *al-falah*. Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk, berbilang kaum, agama, adat resam dan cara hidup serta parti politik amat memerlukan pendekatan wasatiyyah sebagai orbit garisan perhubungan antara individu, kumpulan, agama, parti politik agar keharmonian masyarakat akan terus terkawal ke arah merealisasikan segala bentuk pembangunan negara.

Kata kunci: wasatiyyah, Islam Hadhari, pengaplikasian, pembangunan negara, keharmonian, masyarakat majmuk, Malaysia.

PENDAHULUAN

Konsep Islam Hadhari merupakan suatu polisi awam yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia di bawah kepimpinan mantan Perdana Menteri Malaysia Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi untuk memajukan negara dan pembangunan modal insan berteraskan nilai-nilai ajaran Islam. Penjelasan dasar awam negara ini ditegaskan dalam ucapan dasar mantan Perdana Menteri di Perhimpunan Agung UMNO yang ke 55 pada 23 September 2004. Antara lain konsep Islam Hadhari bertujuan memartabatkan bangsa Melayu dan Islam bersama-sama masyarakat etnik Malaysia yang lain serta negara Malaysia agar dapat membangun dan bersaing di peringkat serantau dan antarabangsa dalam bidang-bidang pembangunan sumber manusia, pentadbiran, sosial, pendidikan, pembuatan, pengurusan ekonomi dan lain-lain bidang kehidupan. Tuntasnya, Islam Hadhari merupakan suatu polisi ke arah merealisasikan prinsip-prinsip Islam dalam menghadapi kepelbagaian cabaran globalisasi melalui usaha-usaha peradaban yang berteraskan syariat dan landasan Islam yang meliputi aspek akidah, syariah dan akhlak. Ini akan melahirkan modal insan yang jitu dari aspek keimanan, keintelektualan, sakhshiah dan pembangunan fizikal. Tuntasnya Islam Hadhari merupakan satu pendekatan baru berkonsepkan kemajuan dan pembangunan seimbang antara keperluan fizikal dan spiritual dalam usaha membangun dan melestarikan ketamadunan ummah Malaysia berasaskan prinsip *siyasaḥ syar'iyah* yang mencakupi elemen-elemen utama *maqasid al-syariah* iaitu memelihara kesucian agama, memelihara kemuliaan akal, menjaga kesejahteraan nyawa, menjaga hak pemilikan harta dan menjaga kemurniaan keturunan. Selanjutnya melalui pengaplikasian Islam Hadhari ini turut diyakini mampu melahirkan modal insan yang dinamik dan berdaya saing. Justeru dalam usaha mengaplikasi Islam Hadhari di Malaysia, ini memerlukan kepada suatu pendekatan yang dinamik dan berupaya melestarikan Islam Hadhari dalam jentera pentadbiran negara.

Kajian ini melihat bahawa Islam Hadhari yang dikonsepkkan oleh mantan YAB Perdana Menteri ini bertunjangan kepada pendekatan wasatiyyah Islam. Wasatiyyah adalah sifat adil yang kajian ini rujuk sebagai meletakkan sesuatu itu betul pada tempat dan hiraknya, seimbang dan pertengahan di antara dua ekstrem yang berbeza. Pendekatan wasatiyyah ini agak sukar untuk direalisasikan seandainya tidak berteraskan ilmu yang benar bersumberkan sama ada naqli dan aqli dan juga ilmu pengetahuan mengenai kehidupan yang bebas daripada kecenderungan nafsu yang melampau. Asas wasatiyyah ini dapat ditelusuri di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Sebagai contoh; di dalam al-Qur'an, surah al-Baqarah, ayat

143 terdapat penegasan Allah yang memuji keistimewaan umat Islam yang mengamalkan sifat adil dan wasatiyyah yang sekaligus menekankan bahawa setiap penganut Muslim wajar menjiwai dan mengaplikasikan sifat-sifat mulia tersebut. Ini kerana antara pujian Allah membuktikan bahawa penganut Muslim merupakan ummah yang bijak kerana amalan wasatiyyah yang membezakannya dengan penganut Yahudi yang terlalu ekstrem, penganut Nasrani yang terlalu lembut; perbandingan dengan golongan atheis dan polytheisme; perbandingan dengan golongan kapitalis dan sosialisme dan perbandingan dengan golongan yang terlalu *ifrat* iaitu keterlaluan melampau dan keras dan golongan *tafrit* iaitu terlalu pasif dan cuai. Sebaliknya umat Islam merupakan golongan yang bijak dalam menghadapi apa jua bentuk cabaran kehidupan kerana menanganinya dengan pendekatan wasatiyyah yang menyerlahkan keupayaan umat Islam sebagai saksi dan hakim dunia yang bijak mengadili umat manusia lain. (Khadijah Mohd khambali @ Hambali dan Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid (2006:155-167). Oleh itu, Islam Hadhari akan menjadikan warisan dan tamadun Islam yang memperlihatkan kejayaan cemerlang umat Islam masa lampau sebagai pendorong kepada pembangunan dan kemajuan tamadun umat Islam masa kini dalam semua bidang kehidupan. (Dipetik dari <http://www.Btdm.net/arkib2/06/Keluaran> 20 Mei 2006).

KONSEP DAN FALSAFAH ISLAM HADHARI

Untuk memahami pendekatan wasatiyyah dalam pengaplikasian Islam Hadhari dalam jentera pentadbiran negara adalah wajar kita memahami terlebih dahulu konsep dan falsafah Islam Hadhari yang dikemukakan oleh YAB mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi.

‘Islam Hadhari’ adalah gabungan dari dua kalimah Bahasa Arab, iaitu: ‘*Islam*’ dan ‘*Hadhari*’ (sifat). Asal perkataan ‘*Hadhari*’ ialah ‘*Hadharun*’ – ‘*Hadharatun*’ (Hidup di Bandar) yang membawa maksud membangun, maju ataupun bertamadun – lawan kepada perkataan ‘*badawah*’ (kepedalaman atau kemunduran). (Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi, 2008). Bertitik tolak daripada kata dasar tersebut, istilah ‘*hadharah*’ ataupun sifatnya ‘*hadhari*’ dirujuk sebagai hasil tindak balas antara manusia dengan alam dan kehidupan sekitarnya melalui usaha yang dilakukan oleh individu bagi memperbaiki kedudukan kehidupannya di dunia secara fizikal dan spiritual mengikut keperluan dan peredaran semasa (*waqi’e*). (Said Ramadhan al-Buti (2004:2).

Pengertian hadharah itu semakin luas skopnya apabila komuniti semakin jauh daripada corak hidup kepedalaman, serta apabila mereka mula terbabit dengan gaya hidup masyarakat maju yang progresif dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian zaman dan tempat. Justeru, hadharah ataupun tamadun adalah hasil-hasil usaha yang dilakukan oleh individu untuk mengeksploitasi unit-unit alam yang berada di sekitarnya. Tujuannya ialah untuk merealisasikan segala keperluan dalam masyarakat manusia serta menyebarkan faktor-faktor kebaikan dan kebahagiaan dalam kalangan manusia sejagat. Oleh kerana itu, kewajaran prinsip-prinsip Islam Hadhari ditekankan dalam pembinaan peradaban tersebut. Prinsip-prinsip ini dipercayai mampu mewarnai persekitaran negara Malaysia secara beradab dan berakhlak berteraskan nilai-nilai Islam yang tulen. Prinsip-prinsip Islam Hadhari yang dikemukakan dalam sepuluh (10) elemen utama peradaban manusia sejagat ternyata lebih tertumpu kepada menjana pembangunan yang seimbang dan pengintegrasian antara kemajuan duniawi dan juga persiapan ukhrawi dalam pembangunan Islam Hadhari di Malaysia. Jelas membuktikan bahawa YAB mantan Perdana Menteri telah memberi penekanan kepada kehidupan berkualiti dalam 10 Prinsip Utama Islam Hadhari iaitu seperti berikut:

1. Keimanan dan ketaqwaan kepada Allah.
2. Kerajaan adil dan beramanah.
3. Rakyat berjiwa merdeka.
4. Penguasaan ilmu pengetahuan.
5. Pembangunan ekonomi yang seimbang dan komprehensif.
6. Kehidupan berkualiti.
7. Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita.
8. Keutuhan budaya dan moral.
9. Pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi.

10. Kekuatan Pertahanan dan Perpaduan.

Penekanan ini telah dikupas sendiri oleh Y.A.B Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi di dalam ucapan dasarnya di perhimpunan Agung UMNO pada 23 September 2004 dengan menjelaskan bahawa:

“Islam Hadhari memberi penekanan kepada pembangunan - pembangunan yang menjurus kepada pembinaan peradaban. Peradaban yang dicanai dengan pegangan Islam dan memberi fokus kepada usaha mempertingkatkan mutu kehidupan (Kehidupan Berkualiti). Mempertingkatkan mutu kehidupan melalui penguasaan ilmu, pembangunan insan, pembangunan kesihatan serta pembangunan fizikal. Mempertingkatkan mutu kehidupan dengan mengamalkan sistem ekonomi, sistem perdagangan dan sistem kewangan yang dinamik”. (Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Wan Adli Wan Ramli (2006:12).

Untuk melaksanakan pembangunan bagi membina peradaban Islam di Malaysia, memerlukan sebuah kerajaan yang kukuh dan stabil sebagaimana yang diamanahkan oleh Allah dan bertepatan dengan firman Allah SWT:

Bermaksud: “Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka, khalifah-khalifah yang berkuasa; dan Dia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah direndahkan-Nya untuk mereka; dan Dia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh)” Surah al-Nur:Ayat 55)

Ini bererti bahawa pembangunan Islam Hadhari merupakan salah satu amanah Allah kepada pentadbiran Malaysia. Justeru, pengaplikasian Islam Hadhari yang dirancang oleh kerajaan dari sudut menjana Kehidupan Berkualiti seperti yang diutarakan oleh YAB Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi merupakan salah satu usaha untuk menguatkan dan mengembangkan agama Islam adalah amat bertepatan dengan tanggungjawab yang diamanahkan Allah kepada para khalifahNya. Ini kerana ia merupakan sebahagian daripada tugas khalifah seperti yang ditegaskan dalam ayat di atas.

Di samping itu, Islam Hadhari akan memberi penekanan kepada pembangunan sepadu dan seimbang bagi melahirkan umat yang berilmu dan beriman, bertamadun tinggi, berakhlak mulia, jujur lagi amanah, serta bersedia menangani cabaran semasa dunia global. Hal ini juga bertepatan dengan pendekatan Islam Hadhari yang menekankan aspek kualiti hidup secara kolektif. Kita hendaklah menjadi umat yang berkualiti dari aspek pemikiran, tingkahlaku dan cara hidup. Umat yang berkualiti mampu melahirkan idea-idea yang positif serta membentuk masyarakat yang sejahtera. Kehidupan berkualiti akan dicapai melalui kejayaan negara memenuhi keperluan asas kehidupan seperti meningkatkan kualiti penghayatan kehidupan beragama, kemampuan memajukan taraf pendidikan, menghayati kehidupan yang aman damai, peluang dan hak memiliki harta, serta jaminan kepada generasi masa hadapan yang cemerlang.

Ini amat bertepatan dengan apa yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w ketika membangunkan Kota Madinah, iaitu dengan membina Kehidupan Berkualiti dengan penekanan kepada aspek pembasmian *al-jahl* (kejahilan), *al-fakr* (kefakiran/kemiskinan) dan *al-maradh* (penyakit).

Perkara yang sama turut ditegaskan oleh YAB Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi dalam ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung tersebut:

“Usaha yang konsisten hingga menghasilkan kejayaan yang berterusan perlu dirancang... Peningkatan kualiti (*itqan*) dalam semua urusan dan kegiatan kehidupan merangkumi bidang pendidikan, penguasaan sains dan teknologi serta aktiviti-aktiviti ekonomi, hendaklah dijadikan budaya. Ijtihad membina ummah dalam zaman moden ini perlu diberikan perhatian dan diberikan pengiktirafan”.

Sehubungan itu untuk merealisasikan pengaplikasian Islam Hadhari dalam konteks Malaysia, wasatiyyah dilihat sebagai pendekatan yang wajar diimplimentasikan kerana ianya berupaya memberi penekanan kepada pembangunan yang menjurus kepada pembinaan peradaban yang berteraskan kepada prinsip akhlak dan akidah dengan tumpuan utamanya adalah mempertingkatkan mutu kehidupan di bidang penguasaan ilmu, pembangunan insan, pembangunan kesihatan dan pembangunan fizikal.

KEWAJARAN PENDEKATAN WASATIYYAH

Dalam usaha mengaplikasikan pendekatan wasatiyyah dalam merealisasikan Islam Hadhari di dalam jentera pentadbiran negara, adalah wajar kita telusuri lebih rencam perbandingan antara pendekatan *ifrat* dan *tafrit* sebagaimana yang dinyatakan di atas tadi. Justeru untuk memperjelaskan realiti ini, sewajarnya kita lihat pengaplikasian prinsip wasatiyyah di dalam konsep Islam Hadhari melalui dua tren iaitu trend liberalis yang dirujuk sebagai pendekatan secara *ifrat* dan konservatif-fundamentalis yang melampau yang dirujuk sebagai *tafrit* yang dipercayai oleh sebilangan penganut Muslim di Malaysia.

Bagi golongan liberalis, mereka telah terpengaruh sepenuhnya dengan ketinggian tamadun Barat sehingga tidak menyedari agenda indoktrinasi fahaman sekularisme yang dijalankan oleh pihak Barat dengan tujuan menghapuskan keutuhan tamadun umat Islam. Ketakutan pihak Barat ini amat ketara sekali apabila mereka menganggap Islam sebagai satu-satunya *Evil Empire* yang bakal menghancurkan dominasi tamadun Barat moden. Kita tidak dapat menafikan kewujudan perkembangan aliran liberalis di Malaysia; yang boleh dilihat dari pemikiran individu yang terdiri daripada kalangan para ilmuwan atau pelbagai NGO yang menggunakan nama berunsur Islam bagi nama organisasi mereka. Menurut kajian Prof Madya Dr Rahimin Affandi bahawa fahaman kesemua golongan liberalis ini adalah sama sahaja, memandangkan persamaan idealism yang dipercayai mereka dengan semangat fahaman liberalisme sekularisme Barat. (Rahimin Affandi Abd Rahim(2007:69-88). Fahaman dan pegangan yang dimaksudkan beliau adalah:

- 1) Bersikap anti kepada amalan tradisi Islam silam yang dianggap sebagai penyebab kemunduran pemikiran umat Islam. Walaupun kadar penolakan terhadap tradisi Islam silam ini tidaklah sampai kepada nisbah penolakan secara total seperti mana diamalkan oleh masyarakat Barat, tetapi lama kelamaan ia pasti akan membawa padah yang seperti mana diamalkan oleh dunia Barat.
- 2) Penolakan kepada semua elemen tradisi bakal menyebabkan golongan liberalis bergantung sepenuhnya kepada penggunaan akal yang agak bebas seperti mana diamalkan oleh sarjana Barat. Antara buktinya golongan liberalis ini telah menerimapakai kesemua teori dan kaedah penganalisan positivisme Barat. Sebagai contoh; pendekatan dekonstruksi Barat telah digunakan untuk mempertikaikan sifat kemukjizatan al-Qur'an, al-Sunnah dan ijmak. Golongan tersebut tidak menyedari bahawa mereka telah

dimanupulasikan oleh pihak barat yang berusaha membuktikan sifat kerelatifan agama Islam seperti mana ianya berjaya dilakukan sebelumnya kepada agama Kristian.

Perkara yang sama dapat dikesan dalam tren konservatisme. Pun begitu menurut perseptif Islam, tidak semua amalan konservatisme ini dikategorikan negatif. Namun, sewajarnya pendekatan wasatiyyah digunapakai dalam menilai tren tersebut. Sebagai contoh dalam amalan yang menjaga taklif syarak dan amalan “*amar ma’ruf nahi munkar*” tidak diklasifikasikan sebagai konservatisme yang negatif bahkan ia dianggap sebagai amalan dan sifat istiqamah yang terpuji. (Rahimin Affandi Abd Rahim(2007:69-88).

Lazimnya bahawa tren konservatisme yang melampau menggunakan pendekatan yang bertentangan dengan prinsip kesederhanaan dan wasatiyyah dalam beberapa bentuk:

- 1) Fanatik melulu terhadap semua amalan tradisi sehingga melupakan usaha untuk menilai samada amalan tradisi itu bertepatan dengan *world-view* Islam sejati ataupun tidak.
- 2) Mengambil sikap yang memboikot semua amalan kehidupan moden dan menumpukan perhatian kepada aktiviti keakhiratan sehingga melupakan tugas melaksanakan konsep “*amar ma’ruf nahi munkar*” secara seimbang. Walaupun pengamalan dan penghayatan akhlak Islam mereka begitu kuat, pun begitu ia tidak dilanjutkan untuk disebarkan dalam kehidupan masyarakat.
- 3) Mengambil sikap yang terlalu ekstrem dalam menangani isu pemodenan, sama ada perlu menjauhinya ataupun perlu memeranginya secara ekstrem dengan menggunakan pelbagai kaedah kekerasan. Bahkan tindakan kekerasan ini sering dikaitkan dengan pemahaman konsep jihad yang sempit, penyakit *self truth claim* dan tindakan yang melampau dengan mempertikaikan keimanan sesama Muslim. Fenomena ini mendorong kepada tindakan melampau yang menganggap darah musuh mereka sebagai halal dan dikategorikan sebagai tugas suci yang wajar dibanggakan tanpa mempedulikan kesan dan akibat perbuatan tersebut turut terpalit kepada orang awam yang tidak berdosa.
- 4) Keengganan untuk menerima pendapat orang lain yang berbeza dengan mereka. Ini kerana mereka berpendapat bahawa hanya pandangan dan paradigma pemahaman mereka sahaja yang paling absah dan menafikan hal ini kepada orang lain. Jelas bahawa golongan konservatif melampau ini telah dijangkiti dengan penyakit ‘bebal’; iaitu bertegas kepada pandangan tersendiri dan enggan berubah walaupun telah diperjelaskan perkara yang benar.

Tuntasnya, ciri-ciri konservatisme melampau ini tidak bersifat progresif untuk membangunkan tamadun umat Islam di zaman moden. Akibatnya, realiti intelektual dan material umat Islam yang akan berterusan lemah dan longlai sehingga melebarkan lagi jurang antara masyarakat Muslim dengan masyarakat non-Muslim.

Sehubungan itu, kajian ini melihat bahawa pendekatan wasatiyyah adalah yang terbaik dalam usaha membangun dan melestarikan peradaban masyarakat Muslim dan 1Malaysia dengan pengaplikasian prinsip-prinsip Islam Hadhari. Sebagai contoh dalam prinsip pertama yang menekankan kualiti keimanan dan ketaqwaan kepada pencipta. Untuk memanifestasikan keyakinan dan ketaqwaan ini setiap individu wajar bersedia untuk membongkar dan melemparkan segala unsur jiwa hamba yang masih tersisa. Selanjutnya untuk memangkinkan pertumbuhan jiwa merdeka wajar diwujudkan iklim dan budaya yang bercirikan kebebasan, persamaan dan keadilan. Iklim dan budaya seumpama ini turut merupakan nilai-nilai sejagat yang wujud dalam setiap ketamadunan bangsa dan agama dunia. Unsur-unsur yang bersifat budaya *feudalistic* wajar ditinggalkan termasuklah pendewaan terhadap seseorang tokoh dan amalan sambutan pemimpin dengan upacara yang keterlaluan dan berlebihan dalam suasana yang menonjolkan perbezaan status feodalannya. (Siddiq Fadzil (1998:12-13).

Ini bererti, kualiti dan dinamika *tawhid* menyerlahkan jiwa merdeka dan berkualiti dalam mewujudkan manusiawi yang *kamil* dan adil serta mampu berkongsi bersama bangsa lain mewujudkan bangsa 1Malaysia yang maju berteraskan nilai-nilai universal yang ditonjolkan dalam Kehidupan Berkualiti berteraskan prinsip-prinsip Islam Hadhari dan kesejagatan ketamadunan dan budaya Islam. Istilah budaya tidak terbatas kepada maksud seni dan hiburan semata. Realitinya, budaya merupakan suatu isu yang serius dengan cakupan bidang yang amat luas meliputi soal falsafah, pemikiran, ilmu, kesenian, artifak dan aspek-aspek cara hidup lainnya. Namun pengertiannya yang semakin sempit dan dangkal telah meletakkannya hanya sebagai satu istilah yang mengungkapkan soal kesenian dan hiburan.

Budaya memahami kita mengenai dasar-dasar kehidupan dan masa hadapan bangsa. Islam memainkan peranan dalam pembinaan budaya Melayu kerana pada prinsipnya kebudayaan Melayu adalah prinsip kebudayaan Islam yang menjadikan Allah sebagai rujukan dan hikmah untuk manusia. Islam turut mendasari pembinaan *worldview* Melayu, etos Melayu, estetika Melayu, bahasa Melayu dan segala cabang budaya Melayu lainnya yang sekaligus meninggikan citra budaya dan keperibadian bangsa.

Oleh itu, dalam usaha mencipta kecemerlangan budaya sewajarnya setiap individu mengenali potensi diri, menemukan nilai-nilai dasar yang menerasi watak dan budayanya yang pastinya mengakar kepada budaya Melayu-Islam. Justeru antara nilai-nilai tradisinya yang utama adalah nilai ilmu dan intelek. Masyarakat Melayu-Muslim telah menampilkan diri sebagai masyarakat yang membudayakan ilmu dan seni dalam konteks *intellectual substance* iaitu seni yang berintikan keintelektualan seperti puisi tasawwuf, seni khat dan senibina masjid. (Ibn Khaldun:170); Afzalur Rahman (1981:222). Budaya keintelektualan ini juga adalah lanjutan daripada pelaksanaan penerapan Islam Hadhari yang dimanifestasikan melalui penjiwaan Kemahiran Insaniah yang diselaraskan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi dalam kalangan pelajar yang bertujuan melestarikan prinsip-prinsip Islam Hadhari dalam segala aspek kehidupan dan sekaligus melahirkan Kehidupan Berkualiti sebagaimana yang ditegaskan oleh YAB Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi semasa ucapan dasarnya dalam Perhimpunan Agung UMNO 2004.

SIGNIFIKAN PENDEKATAN WASATIYYAH DALAM APLIKASI ISLAM HADHARI

Pendekatan wasatiyyah dalam pengaplikasian Islam Hadhari bermatlamat mencapai kemajuan yang menyeluruh kepada umat Islam dan juga negara Malaysia, termasuk dalam bidang budaya dan moral masyarakat. Oleh kerana ruang lingkup budaya itu luas dan ianya mengalami perubahan dari zaman ke zaman dan dari tempat ke tempat, pemilihan wajar dilakukan oleh pemimpin masyarakat dan pelaksana dasar ini untuk a) membangun, menyuburkan dan mengutuhkan aspek-aspek dan ciri-ciri budaya yang positif, membina dan bermanfaat, dan b) tidak menggalakkan, meninggalkan atau memberhentikan ciri-ciri budaya yang negatif, merosakkan dan tidak membantu proses pembangunan masyarakat atau negara yang hadhari. Langkah ini menepati prinsip pertama pendekatan Islam Hadhari iaitu “Keimanan dan Ketaqwaan kepada Allah” dan juga prinsip yang terkenal di dalam Islam sebagai “Amar Makruf dan Nahi Munkar” (menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran). (Tan Sri Prof. Dr Mohd Kamal bin Hassan (2005:3-4).

Menurut Tan Sri Prof. Dr Mohd Kamal bin Hassan; “budaya adalah sesuatu yang berubah mengikut perubahan masa dan tempat. Ada budaya yang menjadi penghalang kepada kemajuan masyarakat dan ada budaya yang membawa kepada kebaikan, kecemerlangan dan

ketinggian bangsa dan negara. Budaya yang baik yang perlu kita suburkan sehingga ia menjadi benar-benar utuh dan mewarnai identiti positif umat Islam dan menaikkan imej negara Malaysia ialah budaya yang mengandungi ciri-ciri berikut:-

1. Penghayatan agama yang mantap, konsisten, bijaksana, harmonis, sederhana dan toleran; tidak fanatik, ekstremis atau kasar dalam hubungan dengan penganut agama-agama lain. Ini sekaligus meletakkan bahawa pendekatan wasatiyyah adalah yang selaras dengan pengaplikasian Islam Hadhari dalam jentera pentadbiran Malaysia.
2. Penguasaan ilmu yang berguna dan pemberian nilai dan kehormatan yang tinggi kepada para ilmuwan, kesarjanaan dan kebijaksanaan; institusi-institusi pendidikan diberi keutamaan dan kebebasan akademik dan penyelidikan di pusat-pusat pengajian tinggi digalakkan; amalan membaca menjadi ciri masyarakat dan perbincangan atau wacana ilmiah disuburkan; ilmu aqli (*intellectual knowledge*) dan ilmu naqli (*revealed knowledge*) digabungkan agar wujud keharmonian antara sains, teknologi dan agama. Ini semuanya memerlukan kepada pendekatan wasatiyyah dalam memastikan perlaksanaannya berjalan secara telus, tulus, mulus, kudus dan luhur.
3. Hormat dan patuh kepada Perlembagaan, undang-undang, peraturan-peraturan, perjanjian, kontrak sosial dan adat resam yang menghargai budi, sikap berterima kasih, sopan santun, bahasa yang beradab dan tingkah laku yang tidak kasar, biadab atau gelojoh. Sekali lagi pendekatan wasatiyyah mewarnai interaksi Malaysia yang menjunjung adat resam dan budaya ketimuran penuh beradab dan berakhlak sehingga melahirkan sikap saling menghormati dan mematuhi Rukun Negara.
4. Kebebasan dan ketelusan institusi kehakiman yang menjamin keadilan dan kesamarataan di hadapan undang-undang atau hukum Tuhan; perlantikan para hakim yang dibuat di atas dasar yang objektif, telus dan adil, terlepas dari sebarang unsur bias, pengaruh kepentingan diri, keluarga atau parti; pengadilan yang tidak dipengaruhi oleh rasuah atau paksaan dari pihak eksekutif; para pelaksana hukuman yang menjalankan tugas dengan adil, cekap dan bermoral. Pendekatan wasatiyyah wajar diaplikasikan kerana wasatiyyah itu adalah meletakkan sesuatu pada tempatnya-adil.
5. Pentadbiran dan pemerintahan yang cekap, amanah, mesra rakyat, mesra alam dan tidak tunduk di bawah pengaruh rasuah, bebas daripada penyalahgunaan kuasa atau kedudukan, bersih dari kronisme, nepotisme atau hubungan sulit dengan kepentingan-kepentingan perdagangan atau industri di dalam atau di luar negara; nilai-nilai dan

prinsip integriti diterapkan di dalam setiap lapisan pengurusan, daripada pemimpin yang berada di atas kepada pekerja yang berada di bawah; rasuah dan penyalahgunaan kuasa dianggap bukan sekadar jenayah tetapi sebagai dosa besar di sisi agama. Wasatiyyah yang dijiwai mampu menerasi sistem pentadbiran yang lebih telus dan luhur.

6. Budaya politik yang demokratik, patriotik dan beretika; kuasa politik dianggap sebagai amanah Tuhan dan rakyat, bukan untuk memenuhi kepentingan diri atau keluarga tetapi untuk menjaga kepentingan rakyat dan negara; parti politik adalah alat dan bukan matlamat, oleh itu perjuangannya tidak sampai terkeluar daripada batas moral atau menjejaskan perpaduan negara, keharmonian antara kaum dan antara agama serta kestabilan politik; kerjasama antara kaum dan perkongsian kuasa berdasarkan kepada prinsip menghormati perbezaan pandangan, menghormati peruntukan Perlembagaan dan menghormati ketetapan-ketetapan negara berkaitan dengan perkara-perkara sensitif seperti kuasa Raja-Raja Melayu, kedudukan agama Islam, bahasa Melayu dan hak-hak istimewa kaum Bumiputera; terdapat usaha yang jujur dan berkesan untuk mencegah dan menghapuskan budaya rasuah dalam parti politik yang jelas bertentangan dengan hukum dan nilai-nilai Islam serta etika. Ini bererti pendekatan wasatiyyah mampu menjunjung nilai-nilai dialog kehidupan yang utuh dalam kalangan 1Malaysia yang bersendikan ajaran Islam dan ketuanan bangsa.
7. Budaya kerja yang menekankan nilai kerajinan, ketekunan dan penjagaan waktu; wujudnya piawaian mutu produk dan produktiviti serta piawaian sistem pengurusan yang cekap dan efektif; wujudnya minda dan sikap yang menentang kemalasan, kecuaiian dan ketidakseriusan dalam bekerja; wujudnya kefahaman yang meluas bahawa sebarang kerja yang baik dan berguna untuk kepentingan negara atau masyarakat adalah suatu jenis ibadah dan amal soleh yang mendapat ganjaran daripada Allah di dunia dan di akhirat; wujudnya sistem yang tidak menindas golongan pekerja. Ini menyerlahkan pendekatan wasatiyyah yang berupaya menonjolkan etos kerja Islam yang cemerlang dan berkualiti seandainya setiap individu dapat memanfaatkan semangat dan nilai-nilai unggul agama dengan menyalurkannya ke dalam budaya kerja. Semangat kecemerlangan memang cukup menyerlah dalam pelbagai aspek ajaran Islam. Allah mengungkapkan diri-Nya dengan sifat-sifat *superlative* seperti *Ahsanu 'l-khaliqin* (Pencipta terbaik), *Ahkamu 'l-hakimin* (Hakim yang mengguguli segala hakim), *Khayru' r-raziqin* (Penganugerah rezeki terbaik). Islam pula diutuhkan dengan agama yang bersifat *ya'lu wa la yu 'la 'alayh* (agama yang unggul dan tidak

ada yang mengunggulinya). (Ibn Khaldun: 170; Siddiq Fadzil (1998:120).Hamba Allah pula disifatkan sebagai manusia yang berkualiti tinggi dan umat Islam sebagai *khayra ummah* dan para mukmin yang berjaya di sisi Allah adalah yang berkualiti taqwanya. Justeru menyedari posisi manusia sebagai khalifah pasti setiap individu terdorong untuk menghayati sifat-sifat *superlative* ketuhanan. Sementelah pula, Islam melihat kerja sebagai suatu yang amat bernilai sama ada ia berjaya mencapai matlamat atau tidak, kerja itu sendiri tetap mempunyai nilai dengan kesedaran bahawa setiap kerja atau usaha itu akan diberikan pahala selagi ia ikhlas dan reda melaksanakannya. Ini kerana kerja dan usaha itu adalah ibadat. (Siddiq Fadzil (1998: 121-122) Perkara ini yang perlu diketahui oleh setiap individu khususnya dalam pewujudan modal insan Islami dan 1Malaysia berteraskan pendekatan wasatiyyah.

8. Kedaulatan Bahasa Kebangsaan dijaga, dipupuk dan dipantau kemajuannya walaupun penguasaan bahasa-bahasa asing seperti Inggeris atau Jepun digalakkan; rakyat beraneka etnik dapat menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa perpaduan masyarakat majmuk dengan baik di samping bahasa ibunda masing-masing; sikap pragmatisme ekonomi yang mengeneipkan Bahasa Kebangsaan perlu dikawal atau dicegah. Tuntasnya pendekatan wasatiyyah dapat mengeratkan lagi perpaduan dan dialog kehidupan dalam kalangan pelbagai etnik di Malaysia.
9. Kegiatan kesusasteraan yang mendukung nilai-nilai murni, positif, membangun minda dan memajukan pemikiran rakyat; kemajuan dalam bidang puisi, novel, cerpen dan drama berjalan selari dengan wawasan kemanusiaan yang beradab dan kesucian agama. Ini bererti wasatiyyah berupaya menerasi pemikiran seni dan budaya individu selaras dengan peradaban yang berakhlak dan beradab.
10. Kesenian yang mengekalkan keaslian yang murni sambil mencari manifestasi-manifestasi baru dan kreatif tanpa mengorbankan nilai-nilai atau bentuk-bentuk asli yang indah dan bermakna; tidak wujudnya penggiat seni yang hidup di luar batas-batas kesusilaan atau budaya yang beretika. Justeru penegasan wasatiyyah sebagai pendekatan yang telus dalam mewarnai kegiatan seni yang tulus dan mulus dapat diserlahkan kerana wasatiyyah bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya. Ini bermaksud wasatiyyah adalah pendekatan yang telus dan adil.
11. Budaya pakaian yang menghormati batas-batas agama dan kesusilaan tradisional; aliran-aliran fesyen yang merupakan tiruan dunia fesyen Barat atau Timur untuk kepentingan kebendaan pereka-pereka fesyen yang tidak mengindahkan nilai-nilai moral atau agama tidak digalakkan; bagi individu Muslim fesyen-fesyen pakaian yang

menepati kehendak agama dan moral umat Islam boleh dipopular atau dipasarkan di dalam dan di luar negeri.

12. Adat makan minum yang tidak melibatkan perkara-perkara atau perlakuan haram walaupun bentuk-bentuk dan jenis-jenisnya sentiasa berubah mengikut selera pengguna semasa; kecenderungan ke arah ketagihan merokok dan meminum minuman keras dalam kalangan individu Muslim wajib dikawal. Untuk memastikannya berjaya dilaksanakan, wasatiyyah diperlukan kerana ia dapat menonjolkan mekanisma yang penuh hikmah berbanding tren liberal dan konservatif.
13. Budaya hiburan melalui muzik, tarian dan pementasan yang tidak melampaui batas kewajaran yang dibenarkan agama dan moral; kecenderungan pemuda pemudi beragama Islam untuk terlibat dalam budaya hiburan melalui konsert-konsert yang terlalu bebas kerana mengikuti aliran dan gaya baru Barat yang bersifat terlalu liberal dan memberangsang nafsu seks tidak wajar dibiarkan merebak dan merosakkan tata susila dan norma-norma umat Islam; stesen-stesen TV milik kerajaan tidak wajar memberi galakan atau ruang dan masa yang istimewa kepada aliran-aliran atau program-program hiburan yang merendahkan akal budi generasi muda dan secara tidak langsung menggalakkan pergaulan bebas lepas antara lelaki dan perempuan walaupun program-program itu berhasil membawa keuntungan besar kepada pihak penaja dari luar atau dalam; mengekalkan budaya hiburan yang sederhana lagi mendidik minda dan tidak menjolok mata adalah penting dalam mengejar kemajuan mengikut “acuan kita sendiri” dan membentaras gejala sosial yang melanda golongan remaja Malaysia hari ini. Justeru, pendekatan wasatiyyah diaplikasikan untuk mengimbangi antara tuntutan fitrah manusia dan tuntutan agama. Islam memahami gelodak nafsu individu dan kerana itu meletakkan mekanisma terbaik bagi memenuhi setiap tuntutan fitrah.
14. Tradisi keluarga yang memupuk nilai-nilai murni seperti keibubapaan yang bertanggungjawab, kehormatan dan kesetiaan anak kepada ibu bapa dan orang tua, perhubungan yang mesra antara generasi, ibu bapa yang menunjukkan contoh tauladan yang baik dalam mendidik anak supaya berakhlak mulia sepanjang hayat, rumah tangga yang menjadi tempat perlindungan yang paling selamat, tenteram dan membahagiakan penghuninya; amalan hidup berjiran yang saling menghormati, bekerjasama untuk kesejahteraan sosial tanpa mengira kaum atau agama. Pendekatan wasatiyyah yang dijiwai oleh setiap individu memungkinkan segalanya ini tercapai dengan jayanya tanpa wujudnya prajudis kerana memahami bahawa wasatiyyah

adalah yang paling berhikmah berbanding tren liberal yang keterlaluan dan konservatif yang melampau.

15. Adat perkahwinan yang menekankan nilai kesederhanaan dan tuntutan agama supaya ianya tidak dianggap oleh mereka yang ingin berkahwin sebagai suatu masalah besar yang terpaksa dipikul dengan beban hutang berpanjangan. Tuntasnya wasatiyyah wajar dijadikan landasan utama dalam membangunkan kekeluargaan.
16. Kesenian tradisional atau moden yang tidak bercanggah dengan dasar iman dan akhlak mulia serta menyerlahkan identiti positif sesuatu etnik atau bangsa; kepelbagaian adat dan tradisi beraneka etnik dan umat beragama dalam masyarakat Malaysia yang berinteraksi secara aman dan harmonis dipertahankan; aktiviti kebudayaan atau kesenian yang mengandungi unsur syirik, khurafat atau tahyul tidak dibenarkan kepada orang-orang yang beragama Islam. Tuntasnya pendekatan wasatiyyah berupaya melaksanakannya dengan hikmah dan memenuhi tuntutan fitrah setiap individu etnik.
17. Kegiatan menarik pelancong dari luar negara yang menonjolkan keunikan tempat-tempat percutian Malaysia, flora dan faunanya, cara hidup dan kebudayaan masing-masing kaum dan lain-lain tanpa merosakkan kesucian agama atau nilai-nilai moral masyarakat tempatan melalui pendekatan wasatiyyah yang sentiasa mengalu-alukan perpaduan sesama manusia.
18. Kegiatan sukan untuk menjadikan rakyat Malaysia lebih sihat, kuat, berdaya saing dan terkenal dalam bidang-bidang tertentu tanpa meniru kelakuan-kelakuan atau kebiasaan-kebiasaan dari luar negara yang berlawanan dengan nilai-nilai moral masyarakat Malaysia; gelagat penonton tempatan yang tidak bersopan atau tidak menghormati undang-undang atau yang berakhir dengan keganasan jelas bercanggah dengan prinsip sukan yang berdisiplin dan beretika. Oleh itu wajar wasatiyyah dijelaskan kepada setiap individu agar mereka lebih prihatin dan beramanah dalam memikul amanah Pencipta.
19. Kepimpinan masyarakat yang menekankan keutamaan memenuhi kepentingan orang ramai dan memberi perkhidmatan kepada rakyat secara amanah, bertanggungjawab dan berakhlak mulia sehingga dihormati dan diiktiraf sebagai orang-orang berkuasa yang mempunyai integriti tinggi sesuai dengan Dasar Integriti Nasional; perhubungan yang harmonis antara kaum, peningkatan semangat patriotik, semangat gotong royong dan perkhidmatan sukarela dari kalangan organisasi bukan kerajaan untuk kepentingan golongan miskin, golongan kurang upaya, golongan tua dan belia-belia bermasalah,

serta keprihatinan terhadap kerosakan dan pencemaran alam sekitar harus menjadi agenda utama para pemimpin masyarakat dan wakil rakyat.

20. Tradisi menghidupkan bulan puasa di bulan Ramadan oleh umat Islam yang diisi dengan ibadat khusus di masjid-masjid seluruh Malaysia pada waktu malam tanpa menjurus kepada perbelanjaan terlalu besar di waktu siang; persiapan untuk merayakan Hari Raya Aidil Fitri harus dibuat mengikut garis panduan tradisi Islam yang menekankan semangat membantu golongan miskin dan melarat, kegigihan melawan dorongan hawa nafsu dan peningkatan ketakwaan kepada Allah, supaya pengaruh budaya konsumerisme dan komersialisme serta tarikan budaya hiburan, muzik dan tarian menjelang Hari Raya tidak menjejaskan makna sebenar berpuasa dan berhari raya. Justeru wasatiyyah wajar diaplikasikan untuk melaksanakan prinsip-prinsip Islam Hadhari agar setiap individu memahami pengertian sebenar perayaan dalam agama dan impaknya kepada manifestasi kepatuhan dan ketaatan seorang hamba Allah.
21. Tradisi “balik kampung” menjelang Hari Raya atau cuti-cuti am rakyat Malaysia yang mengeratkan hubungan silaturrahim dan mengukuhkan persaudaraan serta perpaduan masyarakat kota dan desa; tradisi ini memberikan pendedahan yang penting kepada generasi muda yang lahir di kota-kota besar untuk mengenali kehidupan, budaya dan adab masyarakat luar bandar termasuk peluang menziarahi tanah perkuburan orang-orang tua dan nenek moyang mereka. Pun begitu pendekatan wasatiyyah wajar dilaksanakan agar masyarakat yang lebih muda tidak beranggapan bahawa tradisis ini hanya membebankan mereka.
22. Adab dan akhlak generasi muda yang mempunyai sikap mengenang budi, bersyukur kepada Tuhan dan manusia, tahu menunjukkan kesetiaan, penghormatan dan kelakuan yang bersopan dan berbudi bahasa terhadap ibu bapa, para guru, para pemimpin, orang tua, orang miskin, tetamu di rumah, orang kurang upaya, orang sakit dan anak-anak kecil tanpa mengira kaum atau agama; kekhuatiran para pemimpin dan ibu bapa di Malaysia dewasa ini berhubung semakin merosotnya adab dan kesopanan, budi bahasa yang baik, sikap hormat dan bertimbang rasa terhadap orang lain dalam kalangan generasi muda Malaysia mempunyai asas yang kukuh kerana buktinya banyak dan tidak sukar ditemui.

Atas dasar inilah kewajaran pendekatan wasatiyyah dilaksanakan dengan secara hikmah, telus dan luhur agar Islam Hadhari dapat diaplikasikan dengan jayanya. Ini bererti

terlalu banyak perkara yang memerlukan pendekatan wasatiyyah dijadikan sebagai landasan utama dalam pengaplikasian Islam Hadhari di Malaysia agar segala hasrat mantan YAB Perdana Menteri untuk melahirkan warga Malaysia yang mampu berdaya saing dan dinamik tercapai dan sekaligus terserlah peradaban dan ketamadunan yang beradab dan berakhlak mulia dalam segala aspek kehidupan warga Malaysia dan menepati 1Malaysia.

PENDEKATAN ISLAM HADHARI SEBAGAI PEMACU WAWASAN 2020

Wawasan 2020 yang diumumkan pada tahun 1991 mengandungi aspirasi negara Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju menurut acuan sendiri serta berupaya menangani cabaran-cabaran yang bakal dihadapi. Pendekatan Islam Hadhari adalah selari dengan Wawasan 2020, serta menjadi pemangkin dan pemacu kepada kejayaan wawasan tersebut. Matlamat Pendekatan Islam Hadhari adalah untuk mencapai kemajuan secara menyeluruh dengan harapan menjelang tahun 2020 akan wujud sebuah negara Malaysia yang maju dan membangun melalui acuan ketamadunan Islam serta menepati hasrat 1Malaysia.

Dalam konteks 1Malaysia yang rakyatnya terdiri daripada berbilang etnik dan agama, kepimpinan negara telah meletakkan ketamadunan Islam sebagai agenda bagi mengurus pembangunan negara. Pendekatan Islam Hadhari akan memberi manfaat kolektif yang dapat dinikmati secara harmoni kepada seluruh rakyat. Ini kerana keharmonian ajaran Islam itu adalah meliputi seluruh umat tanpa mengira bangsa dan kepercayaan. Ini jelas menunjukkan bahawa Islam Hadhari menjadi teras kemajuan ummah secara keseluruhannya. Tuntasnya pendekatan wasatiyyah dalam apliksi Islam Hadhari di Malaysia dapat membangunkan modal insan yang dinamik dan berdaya saing di peringkat tempatan dan antarabangsa selaras dengan prinsip dan falsafah ajaran Islam.

PENUTUP

Masyarakat Malaysia perlu diberi kefahaman Islam yang membolehkan umat menghayati dan mewarisi wawasan ketamadunan global (*Rahmatan Lil'alam*) untuk membolehkan umat berperanan secara berkesan di peringkat global. Pendekatan wasatiyyah yang diterapkan dalam semangat persaudaraan (*ukhuwwah Islamiyyah*) perlu dipupuk dan disebarkan bagi menghasilkan modal insan yang mantap sebagai satu strategi ke arah meningkatkan daya saing umat. Dengan itu, masyarakat Malaysia perlu mengamalkan sifat

berdikari dan mengelakkan sifat kebergantungan kepada pihak lain yang merupakan salah satu elemen pengaplikasian pendekatan wasatiyyah. Sikap dan nilai-nilai negatif masyarakat perlu diubah kepada nilai-nilai yang terkandung di dalam tasawur Islam. Justeru, masyarakat Malaysia perlu dijadikan masyarakat *iqra* dalam hasrat untuk melahirkan modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang dari segi peningkatan penguasaan ilmu, kemahiran dan kepakaran.

Apa yang utama adalah kemampuan bersikap kritis dan selektif atau kemampuan memilih dan memilah elemen-elemen mana yang serasi dan sesuai dan unsur-unsur mana yang bertentangan dengan budaya Malaysia. Justeru, pendekatan wasatiyyah dalam pengaplikasian Islam Hadhari di Malaysia amat bertepatan kerana Malaysia yang diwarnai beraneka budaya dari kepelbagaian etnik wajar didokongi dengan budaya Islam. Ini kerana kebudayaan Islam adalah kebudayaan yang akomodatif, punyai keterbukaan yang cukup luas untuk menampung dan sekaligus mengintegrasikan unsur-unsur yang positif dari budaya asing. Sekaligus menonjolkan kepentingan aplikasi Islam Hadhari yang mampu melahirkan pembangunan ummah yang berkualiti dan dinamik.

RUJUKAN

- Afzalur Rahman (1981), *Quranic Science*. London: The Muslim School Trust London, h. 222.
- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Wan Adli Wan Ramli (2006), “Islam Hadhari Dari Perspektif Intelektual Muslim” dalam Prof Dr Abdul Halim Haji Mat Diah dan Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid (ed.), *Islam Hadhari Dari Perspektif Intelektual Muslim*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, h.12.
- Ibn Khaldun, *Muqadimah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 170.
- Khadijah Mohd khambali @ Hambali dan Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid (2006), “Islam Hadhari di Malaysia” dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 155-167).
- Dr al-Sheikh Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi (2008), *Kamus Al-Marbawi Kamus B. Arab-Melayu*, Darul Fikir.

- Rahimin Affandi Abd Rahim(2007), “Aliran Pemikiran Islam Moden : Satu Kajian Perbandingan”, dalam *Jurnal Manusia Dan Masyarakat*, v. 15, h. 69-88.
- Said Ramadhan al-Buti (2004), *Islam Hadhari dalam Pembangunan Insan*, Yayasan Islam Hadhari. h. 2.
- Siddiq Fadzil (1998), *Minda Melayu Baru*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD), h. 12-13.
- Tan Sri Prof. Dr Mohd Kamal bin Hassan (2005), *Keutuhan Budaya dan Moral*, JAKIM, h. 3-4.
- YAB Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi dalam ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung 23 September 2004.
- Dipetik dari [http://www.Btdm.net/arkib2/06/Keluaran 20 Mei 2006](http://www.Btdm.net/arkib2/06/Keluaran%20Mei%202006).